

09/04/1999

Pita ceramah bantu siasatan ugutan bunuh

ALOR STAR, Khamis - Pita rakaman ceramah mengandungi arahan membunuh Perdana Menteri yang diberikan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan kepada IPK Kedah akan digunakan sebagai landasan utama siasatan ugutan membunuh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Melalui pengecaman suara lelaki yang dikatakan memberikan arahan supaya Dr Mahathir dibunuh dalam pita rakaman itu, polis Kedah yakin mampu memperoleh pemula siasatan yang lebih jelas.

Siasatan bertujuan menentukan sama ada suara dalam pita rakaman itu mempunyai kaitan dengan panggilan seorang lelaki kepada bekas Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff dan mengugut membunuh Dr Mahathir.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Kedah, Asisten Komisioner Abdul Jalal Mohd Yunus, berkata salinan pita rakaman itu dijangka diperoleh hari ini dan bakal digunakan sebagai landasan utama siasatan.

"Salinan pita rakaman itu akan membantu siasatan. Setakat ini, polis sudah mengambil kenyataan seorang pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bandar ini.

"Seorang pegawai Telekom Malaysia Bhd (Telekom) dari Kuala Lumpur juga sedang berusaha untuk mengesan suara lelaki yang membuat panggilan kepada Osman," katanya di sini hari ini.

Bagaimanapun, beliau enggan menjelaskan jumlah mereka yang sudah memberikan kenyataan kepada polis selain Osman dan pegawai JKM terbabit.

Akhbar hari ini melaporkan, Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yunus Othman, berkata IPK Kelantan akan menghantar satu daripada tiga pita rakaman terbabit kepada IPK Kedah bagi membantu mengecam suara lelaki yang membuat panggilan kepada Osman.

Bagaimanapun, setakat ini IPK Kedah belum menahan sesiapa yang dipercayai membuat panggilan itu berikutan kesukaran mengesan suara lelaki terbabit.

Siasatan diuruskan kepada suara pegawai JKM berikutan dakwaan lelaki itu bahawa dia adalah pegawai JKM ketika membuat panggilan kepada Osman kira-kira jam 12.50 pagi, 21 Mac lalu.

Siasatan polis yang berdasarkan kenyataan Osman mengesyaki lelaki itu berusia antara lewat 20-an hingga akhir 30-an.

Osman yang juga wakil peribadi Dr Mahathir bagi Parlimen Kubang Pasu menerima panggilan berkenaan di rumahnya di Lorong Menteri, di sini.

(END)